



# MOTIF KESUKARELAN DAN KEMAHIRAN INSANIAH MAHASISWA KHIDMAT MASYARAKAT (VOLUNTEER MOTIF AND HUMAN SKILLS OF COMMUNITY SERVICE STUDENTS)

Anas Suzastri Ahmad<sup>1\*</sup> dan Hadijah Johari<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, MALAYSIA

\*Pengarang penghubung: suzastri@unishams.edu.my

**Abstrak:** Mengapa ramai orang terlibat dalam aktiviti kesukarelaan tanpa dibayar atau diberi ganjaran tertentu? Motivasi disebalik kelakuan manusia melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan ini ialah enam fungsi peribadi dan sosial seperti dinyatakan oleh Teori Fungsional (Snyder, M., 2000). Modul Khidmat Masyarakat yang mewajibkan mahasiswa melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dianggap sebagai satu cabaran sama ada pelajar melaksanakan aktiviti secara sukarela atau sekadar memenuhi keperluan kursus wajib universiti. Kajian tinjauan telah dijalankan kepada 85 orang pelajar pelbagai bidang pengajian yang mendaftar kursus Khidmat Masyarakat untuk mengenal pasti motif penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelaan. Kajian juga mengenal pasti hubungan antara motif kesukarelaan dengan kemahiran insaniah. Kaedah deskriptif dan inferensi (ujian-t dan korelasi Pearson) digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul. Dapatan kajian mendapati bahawa Nilai merupakan motif dominan penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan. Kajian juga mendapati setelah pelajar mengikut aktiviti kesukarelaan, pelajar memperoleh penerapan kemahiran insaniah melalui hubungan baik, interaksi dan dapat bekerja dengan cara yang efektif. Seterusnya analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang besar ( $r = .727$ ) di antara motif penglibatan sukarelawan dengan kemahiran insaniah yang telah diperolehi dalam kalangan pelajar. Hakikatnya keperluan kursus Khidmat Masyarakat sebagai salah satu modul wajib Universiti meletakkan mahasiswa keluaran UniSHAMS pada tahap yang berbeza apabila mempunyai nilai tambah serta berpeluang menabur bakti dan menyumbang budi pada skala lebih besar pada tahap nasional atau antarabangsa. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji akan datang bagi melakukan kajian lanjutan.

**Kata kunci:** Mahasiswa, Sukarelawan, motif fungsional, khidmat masyarakat.

**Abstract:** Why do so many people engage in volunteer activities without being paid or given certain rewards? The motivations behind human behavior engaging in these voluntary activities are six personal and social functions as stated by Functional Theory (Snyder, M., 2000). The Community Service Module which requires students to perform community activities is considered a challenge whether the students perform the activities voluntarily or simply meet the requirements of the university's compulsory courses. A survey study was conducted on 85 students from various fields of study who registered for the Community Service course to identify the motives for student



*involvement in volunteer activities. The study also identified a relationship between volunteer motives and soft skills. Descriptive and inferential methods (t-test and Pearson correlation) were used to analyze the collected data. The findings of the study found that Value is the dominant motive of involvement in volunteer activities. The study also found that after students follow volunteer activities, students acquire the application of soft skills through good relationships, interaction and are able to work in an effective way. Further Pearson correlation analysis showed that there was a large relationship ( $r = .727$ ) between the motives of volunteer involvement with the soft skills that had been acquired among the students. The fact that the need for Community Service course as one of the compulsory modules of the University puts UniSHAMS students at a different level when they have added value and the opportunity to sow devotion and contribute on a larger scale at the national or international level. The results of this study can be used as a reference for future researchers to conduct further research.*

**Keywords:** Students, Volunteers, functional motives, community service.

## Pengenalan

Kesukarelawan Mahasiswa: “Semangat tidak mati, jadi identiti” ungkapan yang sepanjang masa perlu disemat dalam diri Mahasiswa agar melahirkan mahasiswa holistik untuk agama, bangsa dan negara. Hakikatnya, mahasiswa dengan kesukarelawan memang tidak dapat dipisahkan. Namun, akhir-akhir ini terdapat satu ungkapan sinis tentang kesukarelaan mahasiswa apabila ianya dikaitkan dengan sindrom 6T: *topi, t-shirt, teh, tambang, tetamu dan TV!* (Saifuddin Abdullah:2001) Mengapakah keadaan ini berlaku?

Justeru, semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa perlu dipupuk sejak awal menjejakkan kaki ke menara gading kerana mahasiswa ialah golongan terpelajar yang menjadi ikon terbaik kepada masyarakat apabila aktiviti kesukarelawan dilaksanakan sepenuh jiwa tanpa mengambilkira intensif yang bakal diterima. Kesukarelawan seharusnya menjadi identiti buat generasi muda khususnya mahasiswa. Identiti inilah yang seharusnya disemai dan disuburkan dalam diri setiap mahasiswa di seluruh institusi pengajian tinggi baik awam mahupun swasta melalui kursus-kursus dalam program pengajian termasuklah kursus Khidmat Masyarakat iaitu salah satu kursus pilihan bahagian U4 dalam Mata Pelajaran Umum (MPU).

Kursus Khidmat Masyarakat diperkenalkan sebagai salah satu kursus pilihan bahagian U4 dengan membawa konsep pengajian umum iaitu membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasi ilmu dalam kehidupan seharian (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua. 2016)

## Latar Belakang Kajian

Menurut *Kamus Dewan* (2005), perkataan “sukarela” membawa maksud “dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati”. Manakala perkataan “kesukarelaan” pula membawa makna “sikap sukarela”. Hal ini membuktikan bahawa apabila mereka melakukan sesuatu dengan sukarela akan digelar sebagai “sukarelawan” bagi lelaki dan “sukarelawati” bagi perempuan. Justeru, kesukarelaan dapat dimaksudkan sebagai usaha



melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah dengan niat yang ikhlas atau setulus hati tanpa mengharapkan manfaat kepada diri sendiri. Hakikatnya di UniSHAMS melalui penawaran kursus Khidmat Masyarakat jelas memperlihatkan bahawa semangat kesukarelawan Mahasiswanya tidak mati malah menjadi identiti berasakan motivasi yang berterusan dari masa ke semasa.

Hal ini, selari dengan kenyataan oleh Saifuddin Abdullah (2001) yang berpendapat bahawa golongan belia yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawan akan berpeluang membentuk identiti diri dan secara tidak langsung membuka ruang kerjaya yang lebih luas kerana memiliki potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kerja sepasukan. Hal ini, turut disokongkan oleh Barbara J. Houle et.al (2005) apabila menyatakan bahawa individu mungkin mempunyai lebih banyak pengalaman positif apabila dibenarkan memilih tugas sukarela yang akan memenuhi motif mereka sama seperti dapatan kajian oleh (Clary et al., 1998) yang mendapati bahawa sukarelawan yang melakukan tugas selari dengan motif mereka telah melaporkan lebih banyak pengalaman sukarela positif dan memotivasikan mereka untuk terus bersukarela pada masa depan. Jelaslah bahawa banyak pengalaman positif daripada penawaran kursus Khidmat Masyarakat yang bermatlamat untuk mendidik serta melatih pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal (Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman, 2014).

Secara umumnya, tenaga kerja sukarelawan yang ramai lagi efisien sangat diperlukan dalam menjayakan program Khidmat Masyarakat kerana merekalah tulang belakang semua kejayaan. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah mengisytiharkan Tahun Sukarelawan Negara sejak 2009 sebagai bukti betapa tingginya komitmen pihak pemerintah dalam usaha memperkasakan semangat kesukarelawan malah pelbagai persatuan dan kelab ditubuhkan pada peringkat universiti untuk menyemai semangat kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa. Contohnya, Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) iaitu sebuah entiti yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan yang bukan sahaja berusaha menarik seberapa ramai sukarelawan dalam kalangan siswa malah berfungsi untuk menampilkan pemimpin sukarelawan dalam kalangan siswa. Buktiknya saudari Masyitah Zazali iaitu pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan dan Perbankan Islam) UniSHAMS yang telah mengikuti Kursus Khidmat Masyarakat pada sesi Disember 2018 telah dipilih mengikuti Misi YSS ke Vietnam pada Jun sehingga Ogos 2019. Jelaslah tindakan Mahasiswa UniSHAMS terlibat dalam Misi YSS ke Vietnam tersebut merupakan pertimbangan terhadap tingkah laku membantu yang dirancang dan berterusan daripada perspektif teori fungsional bagi membuktikan adanya pengaruh proses berasaskan orang (contohnya, fungsi psikologi individu) dalam menghulurkan bantuan namun, pengaruh yang sering didapati nantinya kurang berbanding dengan keadaan penentu yang biasanya dikaji dalam situasi membantu secara spontan (Clary & Snyder, 1991) dalam Mark Snyder et.al (2015). Hal ini bertepatan dengan pandangan Gil Clary et.al (n.d) yang mengenal pasti bahawa seseorang berminta dengan aktiviti kesukarelawan berdasarkan teori fungsi atas kapasiti fungsi nilai, pemahaman, peningkatan diri, kerjaya, sosial dan perlindungan. Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan kesukarelawan dalam Khidmat Masyarakat adalah terhad.



## Tujuan dan Soalan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS.
2. Mengenal pasti Kemahiran Insaniah selepas mengikuti Progam Kesukarelaan.
3. Mengkaji hubungan antara motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS dengan Kemahiran Insaniah.

## Soalan Kajian

1. Apakah motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS?
2. Apakah Kemahiran Insaniah selepas mengikuti Progam Kesukarelaan?
3. Bagaimanakah hubungan antara motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS dengan Kemahiran Insaniah?

## Kajian Literatur Kesukarelawan

Kertas Kajian Kursus Khidmat Masyarakat sebelum ini banyak berkisar tentang tahap perkembangan dan pembangunan serta impak kemahiran Insaniah. Pada 2010, Roslina Ahmad Faisal et.al. telah mengemukakan hasil kajian bahawa tahap kepuasan pelajar dan tahap kesejahteraan sosial terhadap aktiviti Khidmat Masyarakat adalah pada tahap sederhana. Malah kajiannya juga mendapati bahawa tahap kepuasan dan kesejahteraan sosial berdasarkan jantina didapati tiada perbezaannya. Hal ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Hasnuddin Ab Rahman et.al. pada 2018 yang menunjukkan tahap keterlibatan mahasiswa yang dikaji menunjukkan berada pada tahap rendah dan terdapat hubungan yang signifikan di antara aktiviti kesukarelawan dengan kemahiran sosial mahasiswa.

Seterusnya kajian oleh Mohd Fathi Adnan et.al. pada 2013 pula mendapati bahawa tahap impak yang diberikan oleh kursus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Khidmat Komuniti adalah tinggi bagi setiap elemen kemahiran insaniah yang dikaji dengan elemen etika dan moral profesional adalah paling dominan. Kajian-kajian tersebut ternyata tidak berkaitan dengan motif fungsional kesukarelawan kursus Khidmat Masyarakat. Jelaslah amat terhad kajian yang dilakukan tentang motif fungsional kesukarelawan kursus Khidmat Masyarakat meskipun kursus Khidmat Masyarakat antara kursus Modul Wajib yang diambil oleh semua pelajar sebelum menamatkan pengajian sebelum kembali berkhidmat kepada masyarakat.

Hakikatnya pembinaan negara bangsa Malaysia bukan sahaja didominasi oleh kemajuan pembangunan dan ketenteraan malah turut didukung oleh sektor pendidikan malah agama Islam juga mengutamakan kerja-kerja kesukarelaan. Hal ini, terbukti apabila wujudnya keperluan manusia Muslim memelihara hubungan yang rapat dengan Tuhan (*hablu min Allah*) dan pada waktu yang sama memelihara hubungan sesama manusia (*hablu min 'an nas*) seperti dapatan kajian oleh Fauziah Ibrahim pada 2018 yang mendapati bahawa (89%) iaitu majoriti mahasiswa pernah terlibat menjalankan kerja-kerja sukarelawan dalam tempoh kurang daripada enam bulan iaitu (38%). Hal ini, kerana 89% daripada mereka berasa puas dan seronok ketika melibatkan diri dengan kerja-kerja berbentuk kesukarelaan serta 39% daripadanya dipengaruhi oleh faktor ingin membantu masyarakat dan ingin mencari pengalaman baru sebanyak 33.5%.



Walaubagaimana pun dapatan kajian tersebut bercanggah dengan kajian terhadap sukarelawan oleh Sharififar et.al. pada 2011 dalam Tajul Arifin Muhamad (2013) yang mendapati bahawa faktor motivasi paling penting dalam memupuk minat serta komitmen sukarelawan. Ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Clary et.al. (1998) dalam Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2016) yang mengkaji motivasi serta hubungannya dengan kesukarelawan dan mendapati bahawa motivasi sangat mempengaruhi aktiviti kesukarelawan seseorang. Jelaslah bahawa membiarkan sukarelawan melaksanakan tugas dengan manfaat yang sepadan dengan motif utama mereka akan menghasilkan pengalaman sukarela yang positif serta hasil yang baik untuk semua yang terlibat sama seperti dapatan kajian oleh Siti Raba'ah Hamzah (2015) yang mendapati bahawa analisis model persamaan struktural menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah motivasi dan niat terhadap penglibatan golongan belia dalam aktiviti sukarela.

Justeru, demi memperkasakan kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS satu kajian telah dilakukan mengenai motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS. Menurut Barbara J. Houle (2015), pendekatan fungsi psikologi mempunyai sejarah yang menjangkau lebih dari satu abad (Angell, 1907; Dewey, 1896; James, 1890) dan terkini strategi fungsi telah digunakan untuk memahami motif di belakang sukarelawan (lihat Clary et al., 1998; Clary & Snyder, 1991, 1995, 1999 Clary, Snyder, & Ridge, 1992; Clary, Snyder, & Stukas, 1996, Omoto & Snyder, 1995; Omoto, Snyder, & Berghuis, 1993; Snyder, 1993; Snyder, Clary, & Stukas, 2000; Snyder & Omoto, 1992a, 1992b) yang mendapati bahawa Clary dan Snyder (1991) mendefinisikan analisis fungsional sebagai "timbang dengan sebab dan tujuan yang mendasari dan menjana fenomena-fenomena keperluan, rancangan, matlamat dan tujuan peribadi dan sosial yang disampaikan oleh kepercayaan orang ramai dan tindakan mereka".

Akhirnya premis utama fungsionalis bahawa orang yang berlainan boleh melakukan tindakan yang sama boleh diterima umum. Hal ini, kerana tindakan telah berfungsi dengan fungsi psikologi yang berbeza untuk individu yang berbeza apabila pendekatan ini dikenalpasti dengan teori fungsional sikap dan persuasi (Herek, 1987; Katz, 1960; Smith, Bruner, & White, 1956; Snyder & DeBono, 1987) iaitu orang mungkin mempunyai sikap yang sama atau terlibat dalam tingkah laku yang sama, tetapi sikap atau tingkah laku ini mungkin memuaskan fungsi motivasi yang berbeza. Justeru, semua pihak seharusnya membiarkan sukarelawan melaksanakan tugas dengan manfaat yang sepadan dengan motif utama agar mereka boleh menghasilkan pengalaman sukarela yang positif juga hasil yang baik untuk pembangunan diri termasuk kemahiran insaniah (KI).

### **Kajian Literatur Kemahiran Insaniah**

Kajian lepas mendapati pelajar IPT di Malaysia mempunyai tahap penguasaan Kemahiran Insaniah (KI) yang tinggi (Mansor, Zulkifili (2008); Rosli Saadan et al., 2011; Pua Poh Keong, 2014; Juliza Ezaida, 2014) dari segi struktur organisasi dengan tahap tertinggi KI ialah Kemahiran Kerja Berpasukan, diikuti oleh Kemahiran komunikasi. Manakala, Nurkaliza Binti Khalid dan rakan-rakannya pula, (2016) mendapati bahawa semua kemahiran insaniah murid adalah cemerlang dan keupayaan untuk menjana, mempertahankan idea serta etika kerja dan penampilan fizikal, didapati menjadi faktor penting. serta keyakinan diri dan komitmen terhadap kerja. Akhirnya didapati bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman latihan industri mempunyai kemahiran insaniah yang berbeza berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman menjalani latihan industri.



Berdasarkan pemerhatian kebanyakan kajian lima tahun ke belakang berkaitan kemahiran insaniah yang telah dijalankan oleh para sarjana tertumpu kepada beberapa aspek tertentu seperti tahap penguasaan, kepentingan penerapan, keberkesanaan pelaksanaan dan penilaian serta penaksiran. Lantaran itu, diharap dapatan kajian ini yang membuktikan wujudnya hubungan antara motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS dengan Kemahiran Insaniah dapat memberikan serba sedikit panduan kepada penyelidik seterusnya untuk mengupas isu kesukarelawan dan kemahiran insaniah dengan lebih mendalam agar dapat merealisasikan hasrat membentuk modal insan yang memenuhi keperluan pasaran dan menguasai pelbagai bidang ilmu

## **Metodologi**

### **Reka Bentuk Kajian**

Terdapat empat jenis reka bentuk kajian bukan eksperimen iaitu kajian penyelidikan, kajian korelasi, kajian kes dan kajian etnografi. Reka bentuk kajian merangkumi tinjauan kuantitatif yang menggunakan statistik untuk mengurus sampel soal selidik dan menjelaskan pandangan, sikap, tingkah laku dan ciri-ciri populasi dengan objektif penyelidikan seperti deskriptif dan penerokaan. Reka bentuk kajian korelasi ialah kajian yang merangkumi kajian kuantitatif yang mengukur darjah korelasi antara dua atau lebih pembolehubah. Reka bentuk kajian kes ialah kajian terperinci tentang sesuatu yang berlaku berdasarkan pendapat peserta. Terdapat ciri-ciri tertentu, seperti fokus, deskriptif, heuristik. Reka bentuk kajian etnografi ialah sama seperti kajian kes tetapi untuk mengkaji budaya secara mendalam, pengkaji mestilah tergolong dalam subjek kajian yang sudah tentu mengambil masa yang lama.

Menurut Merriam (2009) reka bentuk kajian kes ialah kajian yang bertujuan untuk menyiasat situasi atau fenomena yang disiasat secara terperinci. Hal ini, selaras dengan hasrat dan tujuan kajian ini untuk menjawab soalan-soalan seperti apakah motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS? apakah Kemahiran Insaniah selepas mengikuti Progam Kesukarelaan? dan bagaimanakah hubungan antara motif fungsional penglibatan sukarelawan hidmat Masyarakat UniSHAMS dengan Kemahiran Insaniah?. Secara umumnya, reka bentuk kajian ini dibangunkan untuk mengkaji pengalaman peribadi peserta kajian dalam situasi dunia sebenar. Selain itu, kajian ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mengumpul data yang terperinci dan mendalam melalui teknik pengumpulan data seperti soal selidik.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi ialah kumpulan yang besar dan ciri-cirinya memenuhi tujuan penyelidikan. Pengkaji tidak boleh memilih dan mengkaji semua subjek dalam populasi kerana terlalu banyak. Hal ini, mengambil masa yang lama untuk mengkaji kerana ramai orang sibuk mengumpul data daripada sumber yang berbeza. Justeru, sebagai keperluan untuk penyelidikan demi menjimatkan kos, masa dan tenaga maka hanya sebahagian kecil daripada khalayak yang besar dipanggil pensampelan dan kumpulan kecil yang terlibat dalam pemilihan itu dipanggil sampel tinjauan.

Sampel kajian ialah kumpulan kecil yang dipilih daripada populasi yang dikenal pasti dalam kajian yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu berdasarkan tujuan kajian yang perlu dikenalpasti sebelum kajian dijalankan. Sampel kajian yang dipilih mestilah benar-benar mewakili populasi untuk membuat generalisasi hasil kajian. Saiz sampel tinjauan dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk jenis populasi, jenis sampel, had perbelanjaan dan skala pengukuran.



Borg dan Gall (1975) mencadangkan kajian yang mempunyai banyak pembolehubah dan sampel kajian yang besar diperlukan sekiranya terdapat perbezaan atau hubungan antara pembolehubah ini. Data skala ukuran dalam bentuk selang dan nisbah juga memerlukan saiz sampel yang besar. Kebolehpercayaan instrumen semasa mengukur pembolehubah yang disiasat boleh ditingkatkan dengan meningkatkan saiz sampel penyiasatan. Terdapat formula khas untuk mendapatkan saiz sampel sebenar berdasarkan tahap keyakinan kajian. Walau bagaimanapun, terdapat jadual khusus yang membolehkan penyelidik menentukan saiz sampel untuk setiap kajian dengan mudah. Jadual Cohen, Manion, dan Morrison (2001) dan Kerjcie dan Morgan (1970) adalah dua jadual popular yang dirujuk oleh ramai penyelidik. Selain itu, Menurut Merriam (2009), tiada definisi khusus tentang bilangan peserta dalam kajian kualitatif. Sekiranya maklumat yang diterima mencukupi dan menerangkan fenomena secara meluas dan terperinci, sebilangan kecil sudah memadai (Creswell, 2008).

Justeru, kajian tinjauan terhadap 85 orang pelajar yang mengikuti kursus Khidmat Masyarakat di IPT berteraskan Islam telah dijalankan dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Menurut Chua (2006), melalui prosedur persampelan rawak mudah, setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Kaedah pensampelan ini menggunakan semua orang dalam populasi yang mungkin mempunyai pilihan yang sama seperti sampel tinjauan. Penyelidik yang memilih kaedah persampelan ini mesti menyediakan senarai lengkap subjek dalam populasi, melabelkan setiap satu dan kemudian seret kotak secara rawak atau gunakan jadual rawak untuk memilihnya.

Fokus kumpulan ialah pelajar yang mengikuti kursus Khidmat Masyarakat iaitu terdiri daripada pelajar Kulliyah Hospitaliti dan Seni Kreatif, Kulliyah Syariah, Kulliyah Usuluddin dan Sains Al-Quran dan Kulliyah Muamalat dan Sains Pengurusan.

### **Instrumen Kajian**

Alat tinjauan ialah cara atau kaedah mengumpul data. Bahagian ini ialah soalan atau pernyataan yang dibuat untuk mendapatkan maklumat tinjauan daripada responden atau peserta tinjauan. Peralatan penyelidikan dibina berdasarkan matlamat dan persoalan kajian. Jika tujuan tinjauan adalah untuk melihat tahap maka data yang dikumpul adalah pada skala berangka, seperti 1-5. Semakin tinggi skala, semakin tinggi tahap pembolehubah yang disiasat. Kaedah tinjauan yang sesuai ialah kaedah tinjauan menggunakan borang kaji selidik. Terdapat beberapa alat dan kaedah lain yang boleh digunakan untuk penyelidikan seperti pemerhatian, temu bual, peperiksaan dan dokumentasi.

Instrumen kajian melalui borang soal selidik yang menggunakan instrumen soal selidik *Volunteer Function Inventory* (VFI) yang dibentuk oleh Clary et al. (1998). Instrumen ini dibina untuk menguji motif individu memilih menjadi sukarelawan dengan melihat melalui pendekatan terhadap Teori Fungsi (Katz 1960). Terdapat enam dimensi motif dalam VFI iaitu Nilai, Pemahaman, Peningkatan, Kerjaya, Sosial dan Perlindungan. Manakala terdapat 7 item bagi mengukur penerapan kemahiran insaniah dalam program kesukarelaan.

Instrumen kajian ialah soal selidik yang mempunyai tiga bahagian. Bahagian A bertujuan mendapatkan demografi pelajar. Bahagian B bertujuan mengkaji faktor kesukarelaan yang mengandungi 30 item. Item 7,9,11,20 dan 24 merupakan pengukuran daripada aspek perlindungan,

manakala item 3,8,16,19 dan 22 adalah daripada aspek nilai. Item 1,10,15,21 dan 28 daripada aspek kerjaya. Item 2,4,6,17 dan 23 merupakan item dari aspek sosial. Item 12,14,18,25 dan 30 ialah item aspek pemahaman dan item terakhir 5, 13, 26,27 dan 29 ialah aspek penambahbaikan. Skor item yang digunapakai ialah skor 1 hingga 5 berpandukan skala seperti 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = agak setuju, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju.

Manakala bahagian C bertujuan menilai penerapan kemahiran insaniah. Skor item yang digunapakai ialah permarkahan 1 hingga 6 berpandukan skala seperti 1 = sangat tidak meningkat, 2 = tidak meningkat, 3 = agak tidak meningkat, 4 =agak meningkat, 5 =meningkat dan 6 = sangat meningkat.

### Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 pelajar bagi ujian kebolehpercayaan menguji item soal selidik mendapati nilai keseluruhan Alpha Cronbach ialah 0.95 apabila nilai alpha untuk Faktor dominan kesukarelaan ialah 0.94 dan nilai alpha untuk Penerapan Kemahiran Insaniah selepas mengikuti Progam Kesukarelaan ialah 0.93. Instrumen ini dianggap mempunyai kestabilan dan ketekalan dalaman yang sangat baik.

Analisis deskriptif min dijalankan untuk mencapai objektif kajian motif fungsional kesukarelawan dan tahap kemahiran insaniah dengan merujuk kepada Jadual Persamaan deskriptif min seperti Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1: Persamaan deskriptif min

Skala	Pemberat min	Persamaan deskriptif min
5	4.21 - 5.00	Sangat tinggi
4	3.41 - 4.20	Tinggi
3	2.61 - 3.40	Sederhana
2	1.81 - 2.60	Rendah
1	1.00 - 1.80	Sangat rendah

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

#### Profil Demografi

Responden melibatkan 85 orang pelajar yang mengikuti Kursus Khidmat Masyarakat yang terdiri daripada 35 pelajar lelaki (41.2%) dan 50 orang pelajar perempuan (58.8%). Majoriti (65.9%) umur responden juga adalah dalam lingkungan umur 18 – 20 tahun dan majoriti (71.8%) responden yang mengikuti Kursus Khidmat Masyarakat di UniSHAMS adalah pada tahun pertama pengajian. 56.5% responden ialah pelajar di Kulliyah Hospitaliti dan Seni Kreatif, diikuti oleh Kulliyah Syariah (17.655), Kulliyah Usuluddin dan Sains Al-Quran (15.3%) dan Kulliyah Muamalat dan Sains Pengurusan (10.6%).

Kajian juga mendapati bahawa majoriti responden telah pernah mengikuti program kesukarelaan (94.1%) dan hampir keseluruhan responden (98.8%) menzahirkan kepuashati mereka setelah menyertai program kesukarelaan. Hal ini, jelas jauh lebih positif berbanding dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Fauziah Ibrahi, Aizan Sofia Amin dan Tharshini A/P Sivabalan (2015) yang



mendapati bahawa hanya 89% dalam kalangan mahasiswa yang terlibat dalam kajian tersebut pernah terlibat menjalankan kerja-kerja sukarelawan. Hal ini, kerana lebih 38% daripada mereka ialah pelajar tahun pertama dan hanya mula terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan sejak enam bulan lalu berbanding dengan data pelajar UniSHAMS yang melibatkan pelajar tahun satu hingga tahun empat.

Selain itu, hasil analisis oleh Wan Asri Wan Aziz (2020) menunjukkan bahawa antara faktor motivasi yang menyumbang atau signifikan pada tahap kepuasan sukarelawan ialah motif sosial, nilai dan peningkatan dengan nilai Beta ( $\beta$ ) masing-masing ialah 0.40, 0.33 dan 0.30. dengan nilai  $p < 0.05$  dan akhirnya motif- motif ini menyumbang 67% kepada tahap kepuasan sukarelawan tetapi dapatan tersebut berada pada tahap sederhana tinggi berbeza daripada dapatan kajian ini yang mendapati 98.8% responden menzahirkan kepuashati mereka setelah menyertai program kesukarelaan atas kapasiti kepelbagaian bentuk aktiviti yang boleh dilaksanakan termasuk pendidikan, kesihatan, kemasyarakatan, alam sekitar, dan sebagainya.

### **Motif Fungsional Penglibatan Sukarelawan Khidmat Masyarakat**

Analisis perbandingan min enam motif penglibatan responden dalam aktiviti kesukarelawan (jadual 3) mendapati motif Nilai merupakan nilai min tertinggi (min=4.21, SP=.493) diikuti oleh motif Pemahaman (min=4.16, SP=.544), motif Peningkatan (min=4.00, SP=.584), motif Kerjaya (min=3.93, SP=.568), motif Perlindungan (min=3.87, SP=.571) dan motif Sosial (min=3.87, SP=.557) (rujuk jadual 2). Secara keseluruhannya perbandingan dengan persamaan deskriptif min (Jadual 2) menunjukkan semua enam motif fungsional kesukarelawan dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang tinggi. Seterusnya, dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa motif kerjaya, sosial, nilai, pemahaman, peningkatan dan perlindungan merupakan faktor yang menyumbang kepada tahap kepuasan sukarelawan dengan aspek nilai (values) didapati merupakan faktor motivasi utama yang paling menyumbang kepada tahap kepuasan sukarelawan ( $t = 2.73$ ,  $p < 0.05$ ).

Hasil dapatan ini selari dengan kajian Wan Asri Wan Aziz (2020) apabila Nilai purata keputusan motivasi utama responden muslimat untuk menyertai aktiviti sukarelawan ialah Motif nilai (min = 5.75, SD = 0.857) kerana responden ingin mempelajari sesuatu seperti kenyataan Mohd Ramlan dan Zaliha (2012) yang mendapati bahawa altruisme adalah komponen motivasi untuk kumpulan untuk menggalakkan golongan muda menyertai aktiviti sukarelawan. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan kajian Azlina Mohd Khir – 2016 yang mendapati bahawa motif utama penglibatan responden dalam aktiviti sukarela adalah motif pemahaman, diikuti oleh motif nilai dan motif sosial dan keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif secara signifikan antara kesemua dimensi motivasi dengan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela ( $r = .547$  hingga  $.649$ ,  $p < .01$ ). Jelaslah bahawa perbezaan boleh wujud akibat situasi aktiviti sukarelawan yang dijalankan oleh setiap responden.

**Jadual 2: Analisis deksriptif motif fungsional penglibatan sukarelawan.**

Motif	N	Min	Sisihan Piawai	Persamaan deskriptif min
Nilai	85	4.21	.493	Sangat tinggi
Pemahaman	85	4.16	.544	Tinggi
Peningkatan	85	4.00	.584	Tinggi
Kerjaya	85	3.93	.568	Tinggi
Perlindungan	85	3.87	.571	Tinggi
Sosial	85	3.87	.557	Tinggi

### Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Progam Kesukarelaan

Analisis min terhadap tujuh item penerapan Kemahiran Insaniah (jadual 3) dalam program kesukarelaan pula mendapati item membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif untuk mencapai objektif merupakan kemahiran insaniah yang diperolehi daripada aktiviti kesukarelaan merupakan item yang paling dominan (min = 4.75, SP = .858). Perbandingan dengan persamaan deskriptif min (Jadual 3) juga menunjukkan kesemua tujuh item kemahiran insaniah yang diperolehi selepas pelajar mengikuti aktiviti kesukarelaan adalah pada tahap yang sangat tinggi.

**Jadual 3: Analisis Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Progam Kesukarelaan**

	Min	Sisihan Piawai	Persamaan deskriptif min
Membina hubungan baik untuk mencapai objektif selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Etika dan Moral)	4.75	.858	Sangat tinggi
Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan bersama dalam penyelesaian masalah berkaitan etika selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Kemahiran Kerja Sepasukan)	4.68	.790	Sangat tinggi
Berkebolehan mencari idea dan penyelesaian masalah alternatif selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Kemahiran menyelesaikan masalah)	4.68	.805	Sangat tinggi
Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah)	4.62	.859	Sangat tinggi
Kemahiran kepimpinan selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Kemahiran Kepimpinan)	4.56	.906	Sangat tinggi
Berkebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Kemahiran Komunikasi)	4.47	.867	Sangat tinggi



---

Kemahiran membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan (Kemahiran Keusahawanan)	4.39	.860	Sangat tinggi
---	------	------	---------------

---

Dapatan yang menarik tentang kajian ini ialah apabila konstruk Etika dan Akhlak merupakan item yang paling tinggi diserap oleh para sukarelawan UniSHAMS berbanding dengan konstruk Kerja Kumpulan seperti dapatan Abdul Malek Abdul Karim et (2012) dan Rosli Saadan et al. (2011) serta kajian Yuzlin Yacob (2021) yang mendapati bahawa Kemahiran komunikasi berada pada bahagian atas senarai diikuti dengan kemahiran berfikir kritis, kebolehan kepimpinan dan kemahiran kerja kumpulan.

Jelaslah faktor institusi pendidikan Islam dilihat secara tidak langsung mempunyai asas yang kukuh menyokong dapatan tersebut diperolehi ketika ini. Apabila responden memilih konstruk yang berkaitan dengan nilai etika dan moral sebagai kriteria utama berbanding KI lain maka membuktikan kepatuhan pada Syariah telah diambil dalam semua tindakan para sukarelawan. Penemuan ini selaras dengan enam teras strategik teras dalam RM11 yang menekankan nilai etika dan semangat, serta mencapai salah satu daripada sembilan matlamat wawasan 2020. Sesungguhnya, prasyarat sebuah negara maju memerlukan masyarakatnya mempunyai nilai etika yang tinggi. Selain membazirkan ilmu, masa dan sumber alam, Ahmad Syukri dan Rosman (2003) berpendapat bahawa kos aktiviti tidak beretika terlalu tinggi untuk ditanggung oleh negeri dan masyarakat.

#### **Hubungan Motif Penglibatan Sukarelawan Dengan Penerapan Kemahiran Insaniah**

Analisis korelasi pearson dianalisis dengan merujuk kepada Cohen (1988) yang mencadangkan garis panduan nilai hubungan antara dua pembolehubah dengan nilai  $r = .10$  hingga  $.29$  (atau  $r = -.10$  hingga  $-.29$ ) adalah hubungan yang 'Kecil', nilai  $r = .30$  hingga  $.49$  (atau  $r = -.30$  hingga  $-.49$ ) adalah 'Sederhana' dan nilai  $r = .50$  hingga  $1.0$  (atau  $r = -.50$  hingga  $-1.0$ ) menunjukkan hubungan yang 'Besar'.

Untuk menganalisis hubungan motif penglibatan sukarelawan dengan penerapan kemahiran insaniah, hipotesis nol dibina seperti berikut:

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara motif penglibatan sukarelawan dengan penerapan kemahiran insaniah.

Analisis korelasi Pearson (jadual 4) menunjukkan terdapatnya hubungan korelasi yang besar atau kuat antara pembolehubah motif penglibatan sukarelawan dan penerapan kemahiran insaniah ( $r = .727$ ,  $p = .000$ ). Dapatan kajian juga mendapati hubungan dua pemboleh ubah tersebut adalah signifikan secara statistik ( $p < 0.05$ ), maka hipotesis nol (Ho2) ditolak atau dalam erti kata lain bermaksud terdapat hubungan motif penglibatan sukarelawan yang kuat dengan penerapan kemahiran insaniah (KI). Oleh kerana, semua KI ini ialah prasyarat yang relevan dengan keperluan pasaran kerja, penyelidik menganggap dapatan ini sebagai penunjuk yang menguntungkan. Hal ini, kerana sebagai sebuah IPT yang berteraskan Islam, pelajarannya mengutamakan aspek kerohanian iaitu kebolehan etika dan akhlak dalam gerak kerja dan gerak kerja seharian.

**Jadual 4: Analisis korelasi Pearson Hubungan Motif penglibatan sukarelawan dengan Penerapan Kemahiran Insaniah**

		Motif_Fungsional	Kemahiran_Insaniah
Motif_Fungsional	Korelasi Pearson	1	.727
	Signifikan (p)		.000
	N	85	85
Kemahiran_Insaniah	Korelasi Pearson	.727**	1
	Signifikan (p)	.000	
	N	85	85

### Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan walaupun status kursus Khidmat Masyarakat sebagai Mata Pelajaran Umum adalah wajib diambil dan perlu mendapat gred lulus sebelum menamatkan pengajian, sikap kesukarelaan dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Ganjaran dalam bentuk markah atau gred tidak dilihat sebagai faktor motif pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan.

Justeru, diharapkan dengan wujudnya motif nilai dalam diri mereka tanpa mengira gender, dapat memotivasikan diri pelajar untuk terus melaksanakan aktiviti sukarela di luar konteks subjek atau kursus pengajian yang melibatkan ganjaran gred. Faktor Nilai merupakan motif utama penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelaan. Setelah melalui aktiviti kesukarelaan, pelajar berjaya membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif untuk mencapai objektif selepas mengikuti aktiviti kesukarelaan. Kajian ini juga akhirnya berjaya membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara motif fungsional penglibatan sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS dengan Kemahiran Insaniah. Hal ini, menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah ini perlu dimanfaatkan seluas-luasnya dalam sebarang bentuk aktiviti kesukarelaan.

Ironinya, secara tidak langsung dapatan aktiviti kesukarelaan ini sangat selari dengan kenyataan bahawa pendidikan merupakan satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu demi mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Falsafah Pendidikan Kebangsaan) seterusnya mampu memiliki ciri sebagai mahasiswa yang aktif bersedia menyumbang bakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara. Hal ini, juga sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi yang menjadikan kerja kesukarelaan sebagai satu aktiviti dalam kalangan pelajar kerana ianya telah dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia sehingga 2025 nanti.



## Rujukan

- Aizan Sofia Amin, Fatimah wati Halim, Noordeyana Tambi, Norhayati Ibrahim & Sariyah Abdullah (2017), Faktor-Faktor Psikologi Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Sukarelawan Berkesan, *Journal Of Social Sciences and Humanities Special Issue 3*
- Anggun Pesona Intan & Rika Peanta Sitio (2016), Motivasi *Volunteer* Sebuah Studi Deskriptif Pada Cso Pendidikan Anak Marjinal Dan Jalanan, *Jurnal Manajemen* Vol. 13 No. 1
- Christina Andin, Abdul Said Ambotang, Yusri Kamin dan Rohana Hamzah (2019), Transformasi Persekitaran Sekolah Melalui Permuafakatan Sekolah Dan Komuniti Luar Bandar, *Malaysian Journal of Society and Space* 15 issue 2 (84-101)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Durasti Binti Abdullah (2016), Hubungan Sumbangan Kewangan, Dorongan Motivasi dan Sumbangan Kepakaran Sukarelawan Alumni Terhadap Pencapaian Akademik Murid, UPM: Selangor
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin dan Tharshini A/P Sivabalan (2015), Penglibatan Dan Motivasi Kesukarelawan: Ke Arah Memupuk Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa, *Journal Of Social Sciences and Humanities* Vol. 10, No. 1
- Fadilah Mat Assain, Hasmadi Bin Mat Safar @ Hashim (2011). Penerapan Kemahiran insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan. Dimuat turun daripada <http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007>
- Fadilah Hasmadi.pdf Faizullah Mohamed (2014). Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti Dimuat turun daripada <https://www.scribd.com/document/253976061/Penerapan-KemahiranInsaniahDalam-Konteks-Membina-Insan-Berkepimpinan-Di-Kalangan-Pelajar-Melalui-Aktiviti-Kokurikulum-Di-Universiti>
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhamie Abdul Ghani Azmi dan Rashidi Abbas (n.d) Hubungan akhlak Islam dengan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia Dimuat turun daripada <http://repository.um.edu.my/28732/1/seminar%20uum%282%29%20%281%29.pdf>
- Hadijah Johari, & Suzastri, A. (2018). Melestarikan maqasid al-shariah terhadap kemahiran insaniah dalam pengajaran kursus kokurikulum. 1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON CONTEMPORARY ISSUES AND MAQASID AL-SHARI'AH UniSHAMS KEDAH.
- Hadijah Johari, Ahmad, A. S., Khalil, A. A., & Sahil, S. A. S. (2016). Penerokaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kursus Kokurikulum.
- Juliza Ezaida Jumelan (2014). Penguasaan kemahiran insaniah pelajar dalam penglibatan aktiviti kokurikulum dan badan beruniform di UTHM. Thesis Sarjana. Dimuat turun daripada [http://eprints.uthm.edu.my/7089/1/Juliza Ezaida Binti Jumelan 24.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/7089/1/Juliza%20Ezaida%20Binti%20Jumelan%2024.pdf)
- Khadijah Alavi, Nor Farziana Karim & Siti Khadijah Mahamad Sakri (2017), Kebolehpercayaan Khidmat Bantu di Rumah di Luar Bandar: Perspektif Kerja Sosial Komuniti, *Journal Of Social Sciences and Humanities* Vol. 12, No.2
- Lissa Kusuma Wardani, Bruce Anzward dan Elsa Aprina (2020), Perlindungan Terhadap Sukarelawan Medis Di Negara Konflik Berdasarkan Hukum Internasional, *Jurnal Lex Suprema* Volume II Nomor 2
- Mansor, Zulkifili. (2008). Pelaksanaan dan penilaian kemahiran insaniah dalam mata pelajaran kokurikulum di UTHM. Dimuat turun daripada <http://eprints.uthm.edu.my/1414/1/24>.
- Mohd Yusri Ibrahim (2017), Pengaruh Amalan Komunikasi Terhadap Penglibatan Belia Dalam Kesukarelawan, *Malaysian Journal of Society and Space* 13 issue 4 (80-92)



- Mohd Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim, Noor Syafafwati Mamat, (2013) *Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia dalam 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*
- Norhafinas Abd Latib. 2021. *Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Pengurusan Projek* dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/350158810\\_IMPAK\\_PENGURUSAN\\_PROJEK\\_TERHADAP\\_PEMBANGUNAN\\_KEMAHIRAN\\_INSANIAH](https://www.researchgate.net/publication/350158810_IMPAK_PENGURUSAN_PROJEK_TERHADAP_PEMBANGUNAN_KEMAHIRAN_INSANIAH)
- Norehan Binti Abdul Rahman (2018), Tahap Penglibatan Dalam Aktiviti Sukarela Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Diri Golongan Awal Dewasa Di Kedah, USM : Penang
- Norwahidah Zinalibdin, Novel Lyndon (2016), Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah, *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 5 (22-32)
- Nur Hafizah Md Akhir, Azlinda Azman, Noremy Md Akhir (2018), Keperluan dan Kesiapsiagaan Sukarelawan Membantu Mangsa Bencana Alam, *Asian Social Work Journal*, Volume 3, Issue 1, (page 46 - 54)
- Pua Poh Keong, T.T (2014). *Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir Di Politeknik KPM*. Dimuat turun daripada [http://eprints.uthm.edu.my/5359/1/pua\\_poh\\_keong.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/5359/1/pua_poh_keong.pdf).
- Răzvan-Lucian ANDRONIC. 2014. *Volunteering: Theoretical Approaches And Personal Characteristics* dimuat turun daripada [https://www.afahc.ro/ro/afases/2014/socio/Andronic,%20Razvanucian\\_%20Volunteering.pdf](https://www.afahc.ro/ro/afases/2014/socio/Andronic,%20Razvanucian_%20Volunteering.pdf)
- Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie (2020), Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan Dalam Menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur, *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 23: 25-38
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin (2013), Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap Tahap Kepuasan Diri, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2): 51-59
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Lilah Yasin (2016), Belia Dan Pembudayaan Semangat Sukarelawan Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Konseptual, *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 9 (161 - 172)
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Lilah Yasin (2016), Belia Dan Program Kesukarelawan Di Malaysia: Satu Kajian Empirikal, *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (183 - 194)
- Wan Asri Wan Aziz, Che Zuina Ismail, Mohd Faizul Idham Zulkifli, Azman Che Mat (2020), Motif Kesukarelawan Remaja Muslimah Di Terengganu, *Borneo Akademika* Volume 4 (2) July 2020, 1 - 11